

12 JAN 1996

Mahathir - dakwah

KEGIATAN DAKWAH PERLU DISERTAI BUKAN ISLAM, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 12 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata aktiviti dakwah tidak seharusnya tertumpu kepada umat Islam tetapi hendaklah juga melibatkan bukan Islam supaya mereka dapat memahami agama itu dengan lebih jelas.

Katatnya lebih baik bagi bukan Islam memahami agama itu daripada mereka terus menyimpan syak wasangka dan perasaan khuatir kerana kurang kefahaman dan pengetahuan sebenar mengenai Islam.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Persidangan Jawatankuasa Penyelarasan Aktiviti-aktiviti Dakwah Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) kali ke-10 di sini.

Kira-kira 200 peserta mewakili kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan dari anggota OIC menghadiri mesyuarat tiga hari itu.

Mesyuarat itu, antara lain, melaksanakan ketetapan yang diputuskan para menteri luar OIC supaya satu persidangan semua pertubuhan Islam diadakan dalam mengeratkan kerjasama dan menyelaraskan tindakan melibatkan kegiatan dakwah.

Dr Mahathir berkata adalah salah bagi umat Islam untuk mengetepikan kesan terhadap bukan Islam ketika menjalankan aktiviti dakwah di kalangan mereka sendiri.

Dengan mengambil Bilal, seorang hamba abdi kulit hitam yang antara orang pertama memeluk agama Islam, sebagai contoh, Dr Mahathir berkata Bilal menjadi yakin akan agama itu kerana sifat kebaikan Nabi Muhammad S.A.W yang sentiasa bersikap penyayang terhadap mereka yang masih mencurigai agama yang dibawanya.

Katanya jika umat Islam tidak memberi perhatian kepada pendapat bukan Islam mengenai agama itu, maka orang Islam dilihat sebagai menolak perintah supaya mengembangkan syiar agama itu.

Pengetahuan mengenai Islam yang bermutu dan lengkap, kata Dr Mahathir amat penting kepada ummah begitu juga sikap ummah turut penting dalam aktiviti dakwah.

" Semasa menjalankan tugas mengembangkan syiar Islam di kalangan kita sendiri, kita tidak begitu memberi perhatian sama ada Islam dan umatnya dihormati oleh masyarakat lain. Kebanyakan kita hanya memberi perhatian kepada mengembangkan apa yang kita tafsir sebagai ajaran sebenarnya.

"Kita nampaknya hanya menuntut supaya Muslim tidak mengerjakan selain daripada perkara-perkara yang dituntut dan jika mereka tidak melakukannya, maka mereka dikritik. Kita beranggapan mereka kurang soleh. Dalam kes-kes ekstrim, kita menolak mereka hanya kerana mereka bukan anggota sesuatu parti politik," katanya.

Dr Mahathir juga berkata dunia Islam kini kucar kacir dan orang Islam bergaduh sesama sendiri dan sehinggakan mereka tidak dapat bersetuju bagaimana untuk bekerjasama bagi membantu diri sendiri.

" Dan kita adalah lemah, tidak mampu mempertahankan diri sendiri, dan sering terpaksa menyebelahi mereka yang niat baiknya disyaki tetapi yang sokongan mereka diperlukan kerana kita lemah," katanya.

" Jika cendekiawan di kalangan kita begitu lemah sehingga kita tidak dapat menyakinkan sesiapa yang kita adalah yang terbaik? Adakah negara-negara Islam terlalu lemah sehingga kita terlalu bergantung kepada belas ehsan dan bantuan kuasa-kuasa bukan Islam, dan jika amat jelas yang kita bersedia menjual saudara seagama sendiri untuk terus hidup, maka dapatkah kita menyakinkan diri sendiri bahawa kita mengamalkan ajaran Islam

sebenarnya?"

Dr Mahathir berkata ketika orang Islam sibuk cuba menjadi pengikut yang lebih Islamik, sebaliknya banyak umat Islam di dalam kawasan yang ditakluk dan mereka yang terpaksa mencari perlindungan di negara milik bukan Islam sudah hilang kepercayaan, telah meninggalkan agama dan juga memeluk agama lain.

" Mereka mengalami penderitaan dan penghinaan yang amat sangat. Dan mereka datang ke sini untuk mendapat pertolongan. Adakah terdapat dalam kebaikan Islam yang kita tidak dapat menawarkan bantuan? Adakah memang kita sedari tetapi kita tidak ambil peduli asalkan kita dapat memastikan syurga kemudian hari, katanya.

Dr Mahathir berkata: " Apakah sifat mementingkan diri digalak oleh Islam sehingga kita fikir yang kita boleh mengetepikan saudara seagama kerana kita sibuk untuk mendapat pahala bagi diri sendiri. Adakah Islam itu yang salah ataupun tafsiran kita mengenai Islam yang salah?"

Katanya umat islam sedar bahawa kemiskinan akan merosakkan akidah mereka tetapi mereka tidak cuba mengatasi kelemahan ini, lebih suka mengaitkan kemiskinan dengan kesolehan walaupun ajaran dalam Al-Quran jelas mengingatkan umat Islam bahawa kemiskinan boleh menyebabkan seseorang hilang kepercayaan kepada agamanya. -- Bernama.